

# Adat Melayu di Malaysia Mengikut Perspektif Perundangan Islam

Prof. Madya Dr. Abdullah @ Alwi Hj. Hassan

**Abstract:** *The article investigates the extent of the influence of Islamic Law in the local customary law by analysing the development of the two laws from the thirteenth century when Islam was first brought in to the country. The study discovers that the encounter between the two laws enhanced the positive development of the Malay tradition.*

## Latar Belakang

Menurut Paul Wheatley, lebih kurang 250,000 tahun yang lalu, iaitu di pertengahan Zaman batu (*paleolithicepoch*), sudah terdapat sekumpulan manusia yang tinggal di Semenanjung Malaysia.<sup>1</sup> Ada beberapa bukti yang menunjukkan bangsa manusia pertama yang berada di Semenanjung ini dikenali sebagai Hoabinhians, yang tinggal di gua-gua sepanjang bukit-bukit batu kapur antara 3,000 dan 2,000 S.M., dan ini berkemungkinan mereka telah pun berada di sini 5,000 tahun sebelum itu.<sup>2</sup> Kemudian, antara 2,500 hingga 15,000 S.M. orang-orang baru pula datang berhijrah ke Semenanjung Tanah Melayu sama ada dari Selatan ataupun Barat China.

Pada permulaannya, mereka terdiri daripada orang-orang Zaman Batu Baru (*Neolithic Peoples*) yang mendiami kawasan datar berbatu kerikil (*the gravel terraces*) dan persisiran tebing sungai Semenanjung Tanah Melayu. Mereka ini nenek moyang kepada orang-orang Negrito di Utara Semenanjung Tanah Melayu. Selepas beberapa masa, datang pula orang-orang Mesolithic, yang dianggap sebagai satu kumpulan ras (*the*

*Australo - Melanesiod racial group*). Keturunan mereka termasuk orang-orang Senoi di pedalaman Semenanjung Tanah Melayu Tengah, Batak di Sumatera dan Dayak di Kalimantan Utara. Penghijrahan mereka diikuti pula oleh orang-orang Melayu Proto (*the Proto-Malays*). Keturunan mereka dapat ditemui di Selatan Semenanjung Tanah Melayu sekarang. Selepas itu, orang-orang Melayu Deutro (*the Deutro-Malays*) datang ke sini dari Yunan, China. Penghijrahan mereka berlaku beberapa ratus tahun sebelum bermulanya era Masihi.<sup>3</sup> Mereka ini telah membawa undang-undang adat bersama mereka.

### **Undang-undang Adat Asli di Malaysia**

Manusia awal yang datang ke Malaysia ini telah membawa, membentuk dan mengamalkan kebudayaan mereka sendiri. Di dalam kebudayaan mereka ini meliputi keseluruhan cara hidup mereka, yang kemudiannya membentuk pula undang-undang. Keseluruhan undang-undang ini dikenali sebagai adat, atau undang-undang adat, yang terus hidup walaupun dengan pelbagai perubahan dilakukan sebagai penyesuaian dengan pertukaran suasana dan tempat. Di Semenanjung Malaysia, *The Oboriginal Peoples Ordinance of 1954* (Ordinan Orang-orang Asli 1954), memperuntukkan Pesuruhjaya Hal Ehwal Orang-orang Asli hendaklah bertanggungjawab terhadap pentadbiran, kebajikan dan kemajuan Orang-orang Asli, dan juga dengan jelas memperuntukkan bahawa ini tidak akan dianggap untuk mengecualikan mana-mana ketua-ketua mereka daripada menjalankan kuasa mereka berhubung dengan perkara-perkara yang ada kaitan dengan adat dan kepercayaan di dalam mana-mana masyarakat atau kumpulan etnik orang-orang Asli.<sup>4</sup>

Di Sabah dan Sarawak undang-undang adat anak negeri masih lagi diamalkan. Malahan, undang-undang anak negeri dan adat dimasukkan di dalam Senarai Negeri untuk negeri-negeri berkenaan. Adalah diperuntukkan secara nyata bahawa kuasa penggubalan di dalam keadaan darurat tanpa mengira peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang tidak meluaskan kepada mana-mana perkara berhubung undang-undang anak negeri atau adat di sebuah negeri di Borneo. Sistem undang-undang diri anak negeri di Sarawak boleh dipinda dengan perintah Gabenor - dalam - Majlis (*the Govenor - in - Council*). Kuasa ini digunakan untuk mengeluarkan versi autoritatif undang-undang adat anak negeri berkenaan, yang biasanya diterbitkan di dalam bahasa Melayu, Dayak dan terjemahan bahasa Inggeris.<sup>5</sup>

Mulai tahun 1958 Mahkamah-mahkamah Anak Negeri ditubuhkan untuk mentadbir undang-undang adat tempatan. Mahkamah-mahkamah itu ialah Mahkamah Penghulu, Mahkamah Pegawai atau Ketua Negeri dan Mahkamah Daerah Anak Negeri. Mahkamah ketiga ini diadili oleh seorang Majistret Kelas Pertama, seorang Pegawai Anak Negeri dan dua penilai dan ulang bicara di bawa ke Mahkamah Residen Anak Negeri, yang dibantu oleh beberapa orang yang mempunyai pengetahuan mengenai undang-undang adat.<sup>6</sup>

Berhubung dengan pentadbiran undang-undang adat anak negeri di Sabah mulai tahun 1953, beberapa mahkamah anak negeri telah ditubuhkan dan ulang bicara hendaklah dilakukan kepada Gabenor.<sup>5</sup>



## Undang-undang Adat Hindu dan Buddha di Malaysia

Malaysia mulai menerima pengaruh Hinduisme dan Buddhisme dari India dan China pada abad permulaan era Masihi. Dari permulaan sehingga ke abad tiga belas Masihi, lahir beberapa empayar Hindu yang menguasai Asia Tenggara, iaitu Funan pada abad pertama, Sri Vijayadi abad ke tujuh dan Majapahit di abad ke tiga belas Masihi.<sup>8</sup> Di samping itu lahir pula beberapa kerajaan Hindu di Semenanjung Tanah Melayu, seperti Kedah, Langkasuka dan Pahang. Pada masa ini terdapat beberapa kitab rujukan perundangan Hindu seperti *Gajahmada* dan *Adigma*.<sup>10</sup>

Setelah kedatangan agama Hindu di Asia Tenggara, kerajaan-kerajaannya telah mengasaskan pemerintahan melalui sistem beraja, menggantikan pemerintahan secara bersuku sebelumnya. Di dalam sistem pemerintahan ini, raja dan keluarganya meneraju pemerintahan dengan mengambil kuasa daripada ketua-ketua Masyarakat Hukum Adat. Pengaruh dan kesan-kesan sistem pemerintahan seperti ini masih lagi didapati di dalam sistem pemerintahan beraja di Malaysia sekarang. Ini terdapat di dalam peraturan-peraturan dan adat istiadat mengenai sistem pertabalan, pakaian, senjata, pakaian dan warna kuning yang dipakai dalam majlis rasmi raja-raja.<sup>11</sup>

Bukti pengaruh Hindu ini boleh didapati di dalam 'Undang-undang Melayu Lama'. Contohnya, *Risalat Hukum Kanun Melaka*, yang ditulis atas perintah Sultan Muzaffar Syah (memerintah 1446-1456).<sup>12</sup> Walau bagaimanapun undang-undang ini telah disesuaikan dengan berbagai-bagai amalan undang-undang yang diwarisi daripada leluhur penduduk Melaka pada masa berkenaan, yang dikenali sebagai undang-undang adat, yang berteraskan undang-undang Islam.<sup>13</sup> Setelah agama Hindu bertapak lebih daripada tiga belas abad di Malaysia, undang-undangnya hanya berpengaruh di dalam sistem pemerintahan beraja dan pembahagian kasta sahaja, dan tidak dapat mengubah intisari adat asli, yang berasaskan adat Melayu-Polinesia secara keseluruhannya.<sup>14</sup>

### Islam di dalam Persekitaran Adat

Kemungkinan besar Islam mula bertapak di kepulauan Melayu sejak abad Pertama Hijrah (Ketujuh Masihi) lagi.<sup>15</sup> Ini terbukti dengan wujudnya penempatan orang-orang Arab di Kedah dan Palembang pada masa itu. Kesempurnaan proses pengislaman Malaysia ialah setelah Melaka menerimanya dalam tahun 812 Hijrah (1409 Masihi),<sup>16</sup> Ini terbukti dengan tercatitnya beberapa peruntukan undang-undang jenayah dan perniagaan Islam di Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 22hb. Februari, 1303M. bersamaan 14hb. Rejab, 702 Hijrah.<sup>17</sup>

Setelah kedatangan Islam, undang-undangnya telah menjadi paksi utama undang-undang di Malaysia. Ini dapat dilihat di dalam *Risalat Hukum Kanun Melaka*, yang diikuti kemudiannya oleh *Hukum Kanun Pahang*, yang disusun pada tahun 1596 untuk Sultan Abdul 'l-Ghafur Muhyud-Din Syah (1592-1616M.),<sup>18</sup> Undang-undang Kedah (Undang-undang Pelabuhan 1650, *Tembera Dato' Sri Paduka Tuan* (1078H.1667M.), *Hukum Qanun Dato' Star* (tanpa tarikh) dan Undang-undang 1199H. (1784M.):<sup>19</sup> *Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* (ditulis antara 1797-1843);<sup>20</sup> Undang-



undang Johor (1789M.);<sup>21</sup> dan Kanun Kelantan (1168H.).<sup>22</sup>

Pada masa yang sama, terdapat pula undang-undang separa Adat-Islam di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Antara undang-undang itu ialah '*Undang-undang Dua Belas*' yang juga dikenali sebagai '*Undang-undang Keturunan daripada Minangkabau turun ke Negeri Perak*' atau '*Undang-undang Minangkabau*'.<sup>23</sup>

Selain daripada undang-undang di atas ada beberapa undang-undang adat lagi yang diamalkan di Malaysia. Antaranya ialah Undang-undang Adat Perpatih berbentuk arahan-arahan yang terdapat di dalam *Perbilangan* atau *Kata Pusaka*<sup>24</sup> dan *Undang-undang Sungai Ujong*.<sup>25</sup>

Sarawak dan Sabah mempunyai undang-undang adatnya sendiri, yang terus berkuatkuasa sehingga sekarang. Undang-undang itu ialah *Undang-undang Mahkamah Melayu Sarawak*, yang digubal pada tahun 1911 dan dikuatkuasa mulai tahun 1915. Undang-undang ini kemudiannya dimasukkan di dalam Ordinan Undang-undang Adat Anak Negeri, 1955 (Bilangan 3, tahun 1955) (*Native Customary Laws Ordinance*, 1955 (No. 3 of 1955), yang dipakai di semua mahkamah di Sarawak.<sup>26</sup>

Di Sabah, undang-undang *Native Court*, Mahkamah Adat Orang Islam telah digubal oleh penjajah British di dalam tahun 1936 dan dipinda pada tahun 1941. Seperti di Sarawak, di Sabah juga tidak dibezakan antara undang-undang Islam dan undang-undang adat. Undang-undang ini dinamakan *native law* (undang-undang anak negeri), iaitu campuran undang-undang adat orang-orang Dusun dan Murut dengan undang-undang Islam.<sup>28</sup> Beberapa peruntukan juga dibuat untuk mengelakkan pertembungan antara undang-undang Islam dan adat tempatan. Tetapi pendekatan yang dilakukan biasanya sekular dan tidak bersifat keislaman tulen dan ianya merupakan undang-undang Islam dan Adat Melayu.<sup>29</sup>

Dengan meneliti beberapa undang-undang adat yang diamalkan di atas, dapat dilihat bagaimana undang-undang Islam mempunyai sifat kebelenturannya di dalam menangani masalah pengamalan adat tempatan. Tetapi, seperti biasa antara keduanya terpaksa bertolak ansur untuk berjalan secara harmoni bagi melayani kehendak-kehendak tempatan dan keagamaan.

### **Undang-undang Adat Menurut Pandangan Islam**

Perkataan '*adat*' adalah berasal daripada bahasa Arab bererti amalan kebiasaan seseorang atau masyarakat keseluruhannya secara khusus. Kebanyakan para '*ulama*' berpendapat '*adat*' dan '*urf*' adalah mempunyai maksud yang sama. Tetapi, pada kebiasaannya, mereka merujuk '*adat*' ini dengan hanya menggunakan istilah '*urf*'. Mereka juga menerima '*urf*' sebagai salah satu sumber hukum berdasarkan kepada ayat al-Qur'an:

"*Khudhi 'afwa wa' mur bi al-'urf (al-Ma'ruf) wa'rid 'an al-Jahilin*"<sup>30</sup>

Maksudnya:

"*Jadilah engkau pemaaf dan suruhlah orang mengerjakan yang ma'ruf, serta berpalinglah daripada orang-orang yang jahil*"



Di dalam hadith pula, Rasulullah s. 'a. w. bersabda:

*"Khudhi min mali Abi Sufyan ma yakfiki wawaladaki bi al-ma'ruf"*<sup>31</sup>

Maksudnya:

*"ambilah dari harta Abi Sufyan apa yang mencukupimu dan anakmu dengan cara yang baik atau sepatut (al- ma'ruf)"*

Bila disebut *'adat* di Malaysia ia bukan sahaja bersangkutan dengan undang-undang sahaja, tetapi ia memberi maksud yang luas iaitu keseluruhan peraturan-peraturan kehidupan harian, termasuk juga institusi-institusi perayaan dan lain-lain lagi, berasal daripada pengamalan pra-Islam. Peraturan-peraturan ini diterima oleh Islam selagi ia bersifat *al-'adah al-muhakkamah* (*'adat* yang baik) dan tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip hukum Islam. Di dalam sistem perundangan Islam, *adat per se* tidak diterima sebagai sumber rasmi perundangan Islam.<sup>32</sup> Tetapi ia hanya berfungsi sebagai satu prinsip bernilai subsidiari di dalam kerangka sumber-sumber yang diiktiraf.<sup>33</sup> Peranan *'adat* di dalam menentukan pelaksanaan undang-undang substantif Islam, telah diakui oleh sumber-sumber klasik yang ditulis oleh para pakar undang-undang Islam terkemuka.<sup>34</sup> Al-Suyuti (m. 1505) adalah antara pakar perundangan yang telah meletakkan beberapa prinsip panduan bagi menyelesaikan apa-apa pertentangan antara amalan *adat* tempatan dan undang-undang Islam, di dalam bentuk peraturan atau prinsip teknikal undang-undang positif (*qawa'id*). Antara peraturan ini ialah:

- i. *Adat* hanya diterima pakai selama ia masih dipakai.
- ii. Mana-mana kes pertentangan antara amalan *adat* dan salah satu doktrin undang-undang Syari'ah akan di selesaikan dengan mengutamakan undang-undang Syari'ah, setelah tiada hukum jelas berhubung dengan kes berkenaan.
- iii. Mana-mana kes pertentangan antara amalan *adat* dan salah satu peraturan undang-undang Syari'ah akan diselesaikan dengan mengutamakan peraturan berkenaan sekiranya ada hukum jelas mengenai persoalan berkenaan yang menjadi isu.
- iv. Antara *adat* yang am dan yang khas, yang kedua akan hanya menjadi sah, sekiranya ia tidak ditentukan kepada sesuatu perkara berlaku secara terhad sahaja.
- v. Hanya *adat* akan dipakai untuk perkara-perkara tertentu apabila peruntukan-peruntukan di dalam undang-undang Syariah bersifat umum dan ia tidak menunjukkan apa-apa doktrin undang-undang dan tidak pula mencadangkan apa-apa definisi khas mengenainya.<sup>35</sup>

Peraturan-peraturan ini telah menyediakan asas kepada ruang penggabungan amalan *adat* ke dalam kerangka undang-undang Islam. Ini telah dimenifestasikan di dalam "Undang-undang Melayu Lama", yang diamalkan sebelum kedatangan penjajah Barat di Malaysia dan telah diolah secara bijaksana di bawah peruntukan-peruntukan ordinan dan enakmen pada zaman penjajahan British dan selepas merdeka untuk mencari



pengimbangan di dalam mengawal perkembangan undang-undang adat bersama dengan undang-undang Islam. Falsafah dan sains perundangan Islam di Malaysia telah berdiri di tengah-tengah persimpangan antara ekstrimisme pembersihan undang-undang Islam tulen dan pemujaan buta terhadap pengawasan segala amalan adat. Dengan mengkombinasikan undang-undang Islam, undang-undang statut dan amalan adat di dalam pengimbangan yang harmonis, ia telah membuka jalan kepada undang-undang Islam mengembang secara berterusan.<sup>36</sup> Dengan penggabungan antara dua sumber perundangan ini dan berkuatkuasa secara harmoni, ia tidaklah bererti undang-undang Islam di Malaysia diamalkan sebagaimana yang telah diubahsuai oleh adat tempatan. Ini pernah disuarakan oleh setengah sarjana barat mengenai pengamalan undang-undang Islam di Malaysia.<sup>37</sup>

Pengiktirafan adat sebagai sumber kembar kepada perundangan Islam dibuktikan secara jelas dengan tertubuhnya Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada 24hb. Disember 1915.<sup>38</sup> Majlis ini menjadi pengasas kepada majlis-majlis agama di negeri-negeri lain yang ditubuhkan kemudiannya. Majlis, dengan namanya yang lengkap, menjadi bukti hidup sehingga hari ini bahawa adat istiadat Melayu tetapi diterima dan menjadi gandingan akrab kepada undang-undang Islam di Malaysia. Walau bagaimanapun nama pada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan tidak dikaitkan dengan adat istiadat Melayu.<sup>39</sup> Ini menunjukkan bahawa adat ditadbir oleh lembaga, undang-undang dan orang-orang besar adat. Tetapi, raja negeri yang dikenali sebagai Yang Di-Pertuan Besar (Yamtuan) tetap mempunyai kuasa ke atas Undang-undang Islam dan Adat Perpatih.<sup>40</sup>

Walaupun perdebatan hangat pernah berlaku di Negeri Sembilan dalam tahun 1951 berhubung dengan ruang lingkup sebenar undang-undang Melayu dan undang-undang Islam dan para reformis telah berusaha untuk membawa undang-undang adat ke dalam kerangka undang-undang Islam sepenuhnya, tetapi walau bagaimanapun ia terus kekal di dalam situasi yang asal.<sup>41</sup> Ini juga menunjukkan kompromi antara kedua belah pihak untuk wujud berseiringan. Di sebaliknya pula di Selangor, pernah satu rang undang-undang diterbitkan di dalam Warta Kerajaan di dalam tahun 1964, mencadangkan pengguguran '*adat Melayu*' pada nama Majlis Agama, tetapi tidak diluluskan.<sup>42</sup> Ini berlaku setelah konflik antara adat dan undang-undang Islam berlaku dengan hebatnya.<sup>43</sup> Walau bagaimanapun, adat terus diterima sebagai sebahagian daripada undang-undang Islam, selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip hukum Islam.

Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu di setiap negeri, sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan negeri,<sup>44</sup> bertindak sebagai penasihat kepada sultan, walaupun Perlembagaan Persekutuan telahpun memperuntukkan kepada setiap Sultan untuk mengguna kuasa secara budi bicaranya di dalam menjalankan tugasnya sebagai ketua agama Islam di dalam negerinya.<sup>45</sup>

Perlembagaan Persekutuan juga memberi kuasa kepada setiap negeri untuk membuat apa-apa keputusan berhubung dengan undang-undang Islam dan adat Melayu.<sup>46</sup>

Sebelum zaman penjajahan Barat di Malaysia, kes-kes yang berhubung dengan undang-undang adat diputuskan oleh mahkamah-mahkamah Jenayah, yang mempunyai bidang kuasa jenayah. Mahkamah ini diketuai oleh seorang hakim dan memutuskan



kes-kes berkenaan berpandukan undang-undang Islam dan adat. Kes-kes berhubung dengan harta, kekeluargaan dan jenayah keagamaan pula dibicarakan di Mahkamah Syariah, berpandukan kepada undang-undang Islam dan menerima undang-undang adat sebagai undang-undang penggenap (*supplementary*) selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip perundangan Islam.<sup>47</sup> Walaupun begitu, di kalangan masyarakat Islam yang mengamalkan undang-undang adat Perpateh lembaga-lembaga berkuasa memutuskan kes-kes yang berkaitan dengan undang-undang adat.<sup>48</sup> Semua ulang bicara kepada semua kes berkenaan hanya dibuat kepada Sultan, raja atau Yamtuan.<sup>49</sup>

Kedatangan penjajah British telah mengubah kedudukan sebahagian besar sistem perundangan Malaysia. Perubahan-perubahan telah dilakukan melalui penstrukturan mahkamah. Mahkamah ini ialah Mahkamah Residen, Mahkamah Tinggi, Mahkamah-mahkamah Majistret, Mahkamah-mahkamah Kadi Besar dan Kadi Daerah Mahkamah Penghulu. Mahkamah-mahkamah adat secara khusus tidak ada di Malaysia, melainkan di Sarawak dan di Sabah sahaja.<sup>50</sup> Struktur mahkamah sedemikian terus berkekalan wujud sehingga selepas merdeka. Undang-undang Inggeris telah mengganti undang-undang Islam, melainkan berhubung dengan undang-undang keluarga, harta dan kesalahan-kesalahan Islam sahaja.<sup>52</sup>

Di dalam kes-kes pertentangan antara undang-undang Islam dan adat mengenai perkara-perkara berkenaan, pihak mahkamah akan merujuk kepada Majlis Agama Negeri untuk memutuskannya, melalui Jawatankuasa Syariah atau jemaah ulama Majlis berkenaan. Di peringkat Kebangsaan, semua kes-kes yang ada hubungan dengan undang-undang Islam dan adat akan diputus oleh jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Jawatankuasa ini diletak di bawah Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia.<sup>53</sup> Dengan wujudnya jentera-jentara pentadbiran undang-undang Islam dan adat ini, ia telah menjadi mekanisme ideal untuk menyelesaikan pelbagai persoalan undang-undang Islam dan adat. Hasilnya terbukti dengan kewujudan kedua-dua sistem perundangan secara diadoptasikan ke dalam sistem perundangan Islam di seluruh negara.

### **Pandangan Adat terhadap Islam**

Islam telah menjadi agama rasmi di setiap kesultanan Melayu di Asia Tenggara sejak pada zaman awal kedatangannya lagi. Sebelum kedatangan Islam, adat telah menjadi paksi tamadun di rantau ini. Amalan adat telah berakar umbi di dalam masyarakat Melayu. Untuk menyesuaikan diri dengan kedatangan sebuah agama agung ini, adat perlu berakodamatif. Tanpa cepat bertindak demikian mungkin ia akan ketinggalan di dalam menangani pelbagai persoalan di dalam suasana masyarakat yang berperadaban baru, walaupun tidak terus pupus. Beberapa inisiatif secara positif telah dibuat untuk mengintegrasikan antara dua sistem undang-undang yang sedia ada, iaitu undang-undang Islam dan undang-undang adat. Para pakar perundangan Melayu awal telah membuat peraturan pengkelasan keutamaan di dalam menentukan pemakaian sumber perundangan dengan turutan berikut:



- i. Undang-undang Syariah;
- ii. Akal; dan
- iii. Adat

Metode keutamaan pemakaian undang-undang ini telah diperuntukkan di dalam Fasal 41, *Risalat Hukum Kanun Melaka* untuk penyesuaian pemakaian undang-undang Syariah dan Adat, supaya kedua-duanya tidak bertembung dan bercanggah. Malahan dijelaskan di dalam fasal yang sama selagi ada kemungkinan undang-undang Syariah di amalkan, sumber-sumber undang-undang lain hendaklah dikemudiankan. Tetapi peraturan ini kadang-kadang tidak dipatuhi sepenuhnya, kerana undang-undang tempatan yang bercanggah dengan Islam juga diterima pakai di dalam sistem perundangan di Melaka dan negeri-negeri Melayu yang lain.

Di dalam *Undang-undang Dua Belas* (juga dikenali dengan *Undang-undang Minangkabau*),<sup>54</sup> ada diperuntukkan di dalam Fasal 33, bahawa antara undang-undang yang diiktiraf ialah undang-undang Allah di dalam al-Qur'an, dan al-Hadith, adat raja, hukum akal dan hukum pemerintah. Fasal 6, 79 dan 80 pula menerangkan bahawa hukum akal hendaklah mengikut definisi yang telah ditentukan di dalam ilmu teologi Islam, iaitu wajib, mustahil dan ja'iz (harus). Fasal 89 pula menegaskan keadilan sebenar hanya melalui undang-undang Islam berasaskan al-Qur'an, al-Hadith, al-Ijma' dan al-Qiyas.

Semua peruntukan di dalam undang-undang adat ini jelas menunjukkan penghormatan undang-undang adat terhadap undang-undang Islam dan menjadikannya sebagai salah satu sumber utama kepada sistem perundangan tempatan.

### **Persamaan dan Pertentangan**

Di dalam mana-mana sistem perundangan pun akan wujud persamaan dan pertentangan dengan sistem perundangan lain di satu-satu tempat, sekiranya kedua-duanya bertembung. Bila membincangkan antara undang-undang Islam dan undang-undang adat, tidak juga terlepas daripada wujudnya persamaan dan pertentangan antara kedua sistem perundangan ini. Islam adalah satu cara hidup yang lengkap, yang dikenali juga sebagai *ad-Din* yang mempunyai ciri-ciri keuniversality tersendiri.

Untuk penyatuan antara kedua undang-undang ini, pelbagai pepatah perundangan (*legal maxims*) atau kaedah-kaedah perundangan adat diperkenalkan, sebagai garis panduan pengamalan adat di dalam persekitaran Islam. Pepatah atau perbilangan perundangan adat ini telah menjadi tradisi lisan (*oral tradition*). Antara pepatah utama yang menyatakan undang-undang Islam dan adat ini ialah:

“Adat bersendi Hukum  
Hukum bersendi Kitabullah  
Kuat Adat, tak gaduh Hukum  
Kuat Hukum, tak gaduh Adat  
Ibu Hukum muafakat  
Ibu Adat muafakat”



Berdasarkan pepatah di atas, adat tetap fleksibel di dalam penyesuaiannya dengan persekitaran Islam. Di dalam teks undang-undang adat Sungai Ujong,<sup>55</sup> dapat dilihat beberapa perbincangan berhubung dengan pengadoptasian pemakaian adat dan undang-undang Islam. Antara contohnya ialah sebagaimana diperuntukkan di dalam Fasal 8 di dalam teks ini, yang menyebut bahawa adat boleh bersetuju dengan hukum Syariah dan di dalam Fasal 13 pula ada dinyatakan *Kullu baladin qiyamuhu bi'adatihi*, bermaksud: "Setiap negeri diasaskan dengan adat yang diiktiraf".

Di dalam Fasal 66 pula, ada diperuntukkan bahawa undang-undang Islam tetap dikuatkuasakan sedangkan adat boleh diamalkan selama ia tidak bertentangan dengan undang-undang Islam. Tambahan pula, semua persoalan adat dibuat dengan persetujuan secara sebulat suara. Disebaliknya pula, penguatkuasaan undang-undang Islam bergantung kepada sokongan yang kuat daripada pihak rakyat jelata. Fasal 66 juga menerangkan adat hendaklah berasaskan kepada undang-undang tempatan yang pula berasaskan kepada al-Qur'an. Ini bersesuaian dengan bidalan adat perpatih:

"Undang-undang diasaskan di atas intan,  
adat di atas batu,  
undang-undang agama di atas bukti,  
acara adat di atas persetujuan"

Untuk membuktikan bahawa adat perpatih tetap berasaskan di atas prinsip-prinsip Islam, Fasal 87 menerangkan yang mana dua pengasas adat rekaan, Dato' Katumanggunan dan Dato' Perpatih Sebatang menjalankan tugasnya bersesuaian dengan ajaran al-Qur'an, iaitu sebagai Khalifah Allah di bumi, sebagaimana firman Allah s.w.t.:

*"Inni ja'ilun fi al-ardi khalifah"*

bermaksud:

*"Sesungguhnya aku menjadikan seorang Khalifah (Adam dan keturunannya) di muka bumi"*<sup>56</sup>

Di dalam teks ini jelas menunjukkan bahawa adat tetap tunduk kepada undang-undang Islam, yang juga menggambarkan bahawa undang-undang Melayu klasik telah mempunyai falsafah perundangan yang tinggi. Pembentukan undang-undang ini adalah hasil dari kesepaduan antara undang-undang Islam dan beberapa pegangan perundangan adat di dalam peradaban Melayu. Teks ini antara contoh bagaimana para pakar perundangan Melayu klasik menyelesaikan pelbagai persoalan yang melibatkan pertembungan antara teori dan prinsip undang-undang Islam dan adat yang dikenali di kalangan pakar perundangan moden sebagai *wahyu* lawan *pengamalan* atau *Islam* lawan *adat*. Kaedah yang digunakan di dalam perbahasan ini telah mencapai tahap keilmuan yang tinggi di dalam sistem penghuraian dialetik dan telah meningkat kepada batasan silogisme.



## **Antara Pengamalan Adat dan Islam di Malaysia**

Unsur-unsur adat terus diamalkan di kalangan masyarakat Melayu, walaupun selepas kedatangan Islam. Ada di antara pengamalan ini telah diubahsuaikan mengikut Islam dan ada juga yang masih diamalkan walaupun ia bertentangan dengan Islam. Pengubahsuaian pengamalan adat-adat Melayu ini kepada prinsip-prinsip Islam adalah merupakan proses yang berlaku tanpa henti, kerana Islam itu sendiri mempunyai ciri-ciri dinamika, proaktif dan vitality (daya hidup) yang tersendiri, ia sentiasa bergerak ke depan tanpa kelesuan. Di dalam kes ini, Islam yang suci, tulen dan asli itu bukan bersifat statik untuknya sahaja, malahan ia juga menyuci, mentulen dan mengasli adat dan pengamalannya bersesuaian dengan agama fitrah itu.

Proses pengislaman ini jelas dapat dilihat bagaimanakah perubahan telah berlaku di dalam sistem kerajaan pada asalnya, yang kemudian bertukar kepada sistem kesultanan, dan ini mungkin akan berubah ke arah yang lebih Islamik pada masa akan datang. Di dalam sistem kekeluargaan, dapat dilihat bagaimana adat istiadat perkahwinan masyarakat Melayu, seperti adat-adat meninjau, merasai, melamar, pertunangan, memberi belanja dan hantaran dan dari pelbagai adat persiapan sebelum perkahwinan seperti memasang gantung-gantung, membuat bunga telur, pulut kunyit, berinai, majlis khatam al-Quran sehinggalah bersanding telah juga melalui proses pengislamannya, walaupun masih ada lagi beberapa adat yang belum diislamkan sepenuhnya. Tetapi ia tetap terus melalui proses pengislamannya.<sup>57</sup>

Di dalam sistem perundangan pula, yang telahpun dibincangkan sebelum ini, dapatlah dilihat bagaimanakah pertembungan undang-undang Islam dan undang-undang adat telah berlaku dan bagaimana kedua-dua undang-undang ini berinteraksi dan bagaimana undang-undang adat menyesuaikan keadaannya di dalam suasana dan persekitaran Islam yang datang kemudian.

Di dalam bidang perundangan, hanya di dalam undang-undang harta yang menjadi persaingan hebat antara undang-undang Islam dan undang-undang adat. Menurut Adat Perpatih, harta perkahwinan terbahagi kepada tiga:

1. Harta carian atau sepencarian, iaitu harta yang diperolehi secara bersama antara suami isteri;
2. Harta pembawa atau harta dom mengikut undang-undang Adat Temenggong, yang dimiliki oleh suami; dan
3. Harta dapatan, iaitu harta isteri yang diperolehi oleh isteri pada masa perkahwinan.

Menurut peraturan adat, ia berbunyi:

Adat pertemuan dinikahi  
habis pertemuan dicerai  
carian, bahagi  
dapatan, tinggal  
pembawa, kembali atau bersuarang (milik bersama) beragih  
berkutu (pembawaan) berbelah<sup>58</sup>



Di dalam undang-undang harta ini, undang-undang Islam telah menerima undang-undang berhubung dengan harta sepencarian,<sup>59</sup> harta dapatan,<sup>60</sup> pembawa,<sup>61</sup> bersuarang<sup>62</sup> dan berkutu.<sup>63</sup> Tetapi undang-undang pusaka dan pewarisan ia tetap kekal mengikut undang-undang Adat Perpatih di Negeri Sembilan,<sup>64</sup> dan di negeri-negeri lain telah berubah daripada undang-undang Adat Temenggong dan undang-undang Islam telah diterima pakai.<sup>65</sup>

#### NOTA HUJUNG

1. Paul Wheatley, *Impression of the Malay Peninsular in Ancient times* (t.t.), hal. 12.
2. M.W.F. Tweedie, "The Stone Age in Malaya", *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* (1953), Vol. XXVI, Part II, hal. 18.
3. Ahmad bin Mohd. Ibrahim, *Towards A History of Law in Malaysia and Singapore, Inaugural Braddel Memorial Lecture* (Singapura: Stamford College Press (P) Ltd., 1970), hal-hal 1-2.
4. Ahmad bin Mohd. Ibrahim, *op.cit.*, hal. 2.
5. Lihat, *The Native Customary Laws Ordinance of Sarawak*, di dalam *Laws of Sarawak, 1958* (Cap. 51)
6. Lihat, *The Native Customary Laws Ordinance of Sarawak, op.cit.*, (Cap. 43)
7. Lihat, *The Native Courts Ordinance*, dalam *Laws of North Borneo, 1953* (Cap. 86)
8. "Study of Ancient times in the Malay Peninsula", *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, (1935) Vol. XIII, Part II, hal. 89.
9. Ahmad bin Mohd. Ibrahim, *op.cit.*, hal. 3.
10. Abdullah Siddik memetik dari Van Vollenhoven, *Het adatrecht van Ned. Indie De outdehking van het Adatrecht, 1928*. Lihat Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia* (Kuala Lumpur, 1975), hal. 33.
11. Abdullah Siddik, *op.cit.*, hal. 33.
12. W.G. Shellabear, *Sejarah Melayu* (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1991), hal. 66. Undang-undang ini berkembang dari beberapa dikri yang dikeluarkan oleh Sultan Muhammad Syah (memerintah 1424-1444) lagi, sebelum ia ditulis pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah. Lihat Muhammad Yusuf Hashim, "Legal Codes of the Melaka Sultanate: An Appraisal", *Malaysia in History, Journal of the Malaysian Historical Society*, Vol. 26 (1983), hal. 85.
13. William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism* (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1974), hal. 6; Alfred P. Rubin, *The International Personality of the Law of the Malay Peninsula: A Study of the International Law of Imperialism* (Kuala Lumpur: University of Malaya Press 1974), hal. 7.
14. Abdullah Siddik, *op.cit.*, hal. 34.
15. Rita Rose Di Meglo, "Arab Trade With Indonesia and the Malay Peninsula From the 8th. to the 16th. Century", dalam *Islam and the Trade of Asia*, ed. D.S. Richards (Oxford: Bruno Cassirer Oxford and University of Pennsylvania Press, 1970), hal. 109; dan Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Preliminary Statement on A General Theory of the Malay-Indonesia Archipelago* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966), hal. 1.
16. A. Cortesao (ed.) *The Suma Oriental of Tome Pires*, Vol. 1, 2 (London: Hokluyt Society, 1944), hal-hal. 240-242; Syed Muhammad Naquib al-Attas, *op.cit.*, hal. 12.



17. Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Correct Date of Terengganu Inscription* (Kuala Lumpur: Muzium Negara, 1970), hal. 24; dan Abdul Samad Ahmad, *Sejarah Kesusasteraan Melayu*, Jilid 1 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1957), hal. 36.
18. R.O. Winstedt (ed.), "A Malay Legal Digest Compiled for Abd al-Ghafur Muhiayu'd-din Shah Sultan of Pahang 1592-1614 A.D. "With Undated Additions, *Journal of Royal Asiatic Society*, Vol. 21, Part 1 (1948), hal-hal. 1-67.
19. Lihat Ph. S. Van Ronkel, *Risalat Hoekoen Kanoen* (Leiden: E.J. Brill, 1921); R.O. Winstedt, 'Kedah Laws', *Journal of the Royal Asiatic Society - Malayan Branch* 6(2) (1928), hal-hal. 1-44; R.O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977), hal. 169.
20. R.O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977), hal. 170; R.O. Winstedt, 'The Hadramaut Sayids of Perak and Siak', *Journal of the Royal Asiatic Society - Straits Branch* 79(2) (1918), hal-hal. 48-52.
21. R.O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977), hal. 171; dan J.R. Logan, "A Translation of the Malayan Laws of the Principality of Johore," *Journal of the Indian Archipelago and East Asia* (a) (1855), hal-hal. 71-95.
22. Lihat Johore Laws, State, etc., No. 386403 A fK 4571 JLS, Perpustakaan Undang-undang Universiti Malaya, hal. 113.
23. R.O. Winstedt, "An Old Minangkabau Legal Digest From Perak", *Journal of the Royal Asiatic Society Malayan Branch* (XXVI)(1)(1953), hal-hal. 1-3.
24. Lihat A. Hale, 'Folklore and the Minangkabau Code in the Negeri Sembilan', *Journal of Royal Asiatic Society - Straits Branch* (31)(1898), hal-hal. 43-61; dan A Caldecott, 'Jelebu, Customary Songs and Sayings', *Journal of Royal Asiatic Society - Straits Branch* (78)(1918), hal-hal. 3-41.
25. R.O. Winstedt and de Josselin de Jong, 'Adigest of Customary law from Sungei Ugong', *Journal of Royal Asiatic Society Malayan Branch* 27(3) (1954), hal-hal. 7-34.
26. Lihat M.B. Hooker, *Native Law in Sabah and Sarawak* (Singapura: Malayan Law Journal Pte. Ltd., 1980)
27. M.B. Hooker, *Islamic Law in South-East Asia* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1984), hal. 189 ff.; M.B. Hooker, "The Law Texts of Muslim South-East Asia", dalam M.B. Hooker (ed.), *Laws of South-East Asia*, Vol. 1 (Singapura: Butterworth & Co. (Asia), Pte. Ltd., 1986), hal-hal. 417-418.
28. Lihat M.B. Hooker, *Native Law in Sabah and Sarawak* (Singapura: Malayan Law Journal Pte. Ltd., 1980).
29. M.B. Hooker (ed.), *Laws of South-East Asia*, Vol. I (Singapura: Butterworth & Co. (Asia) Pte. Ltd., 1986, hal-hal. 418-419.
30. Al-Qur'an, *al-A'raf* (7): 199.
31. Ahmad b. Hanbal, *Musnad*, VI (t.t.), hal. 39.
32. J. Schacht, *An Introduction to Islamic Law* (Oxford: University of Oxford Press, 1964), hal. 62.
33. N. J. Coulson, *A History of Islamic Law* (Edinburgh: University of Edinburgh, 1964), hal. 163.
34. Abdul Majeed Mohamed Mackeen, *Contemporary Islamic Legal Organization in Malaya* (New Haven: Yale University Southeast Asia Studies, 1969), hal. 52.
35. Jalal al-Din al-Suyuti, *al-Asybah wa al-Naza'ir*, (Kaherah t.t.), hal-hal. 102-109.



36. Abdul Majeed Mohamed Mackeen, *op.cit.*, hal. 53.
37. Contohnya sila lihat E.N. Taylor, "Malay Family Law", dalam *Journal of Royal Asiatic Society (Malayan Branch)*, 15 (1937), 533 f.
38. Lihat W.R. Roff, "The Origin and Early Years of the Majlis Ugama", dalam W.R. Roff (ed.), *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974), hal-hal. 101-103 dan 132-149.
39. Negeri Sembilan Administration of Muslim Law Enactment, 1960 (No. 15 of 1060), S. 4-38.
40. Lihat perbincangan lanjut di dalam M.B. Hooker, *Adat Laws in Modern Malaya* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972).
41. P.E. Josselin de Jone, "Islam Versus Adat in Negeri Sembilan", *Bijdragen tot de taal-, land-en volkenkunde*, 116 (1960), hal-hal 159-203.
42. *Administration of Muslim Law: Change of Title Majlis Enactment and Amendment* (1964).
43. Abdul Majeed Mohamed Mackeen, *op.cit.*, hal. 52.
44. Ahmad Ibrahim, *Islamic Law in Malaya* (Singapura: Malaysian Sociological Research Institute Ltd., 1965), hal-hal 147- 175.
45. Lihat Jadual Sembilan: Senarai Legislatif, Senarai 11 - Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
46. *Ibid.*
47. Abdullah Alwi Haji Hassan, *The Administration of Islamic Law in Kelantan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), hal-hal. 1-25.
48. M.B. Hooker, *Adat Laws in Modern Malaya* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972); Mosye Yegar, *Islam and Islamic Institutions in British Malaya* (Jerusalem: The Hebrew University, 1979), hal. 62.
49. Abdullah Alwi Haji Hassan, *op.cit.*, hal-hal. 3-20; Mosye Yegar, *op.cit.*, hal-hal. 62-63.
50. Mosye Yegar, *op.cit.*, hal-hal. 152-153.
51. Lihat Ahmad Ibrahim, *Islamic Law in Malaya* (Singapura: Malaysian Sociological Research Institute Ltd., 1965).
52. *Ibid.*, 173 et seq.
53. Ahmad Ibrahim, *op.cit.*, hal 159.
54. Lihat R.O. Winstedt, "An Old Minangkabau Legal Digest from Perak", *Journal of the Royal Asiatic Society - Malayan Branch* (1953) (XXVI)(I), hal-hal 1-13.
57. Amran Kasimin, *Istiadat Perkahwinan Melayu: Satu Kajian Perbandingan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989).
58. Abdullah Siddik, *op.cit.*, hal-hal. 141-142; Azizah Kassim, *Kedudukan Wanita di dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpateh di Negeri Sembilan*. Tesis M.A. University Malaya, 1969, hal. 162.
59. Ahmad Ibrahim, *op.cit.*, hal-hal. 228-233.
60. *Ibid*, hal-hal. 233-234.
61. *Ibid.*
62. *Ibid.*
63. *Ibid.*
64. Lihat M.B. Hooker, *Adat Laws in Modern Malaya - Land Tenure. Traditional Government and Religion* (Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1972).
65. Ahmad Ibrahim, *op.cit.*, hal-hal. 245-314.